noor izwan architect

K-2-7, Block K, Lorong Metro 4
Metro Town, Jalan Lintas
88300 Kota Kinabalu, Sabah
T: 088 366 720 . F: 088 366 501
E: noorizwanarchitect@gmail.com

Principal
Ar. Noor Izwan Bin Rahim
B. Arch (Hons), UiTM
Dip. Arch, UiTM
APAM

Ruj. : NIA1902/KPKT/BB/BS(047)
Tarikh : 17 November 2020

Ketua Penolong Pengarah,
Unit Senibina,
Cawangan Pengurusan Projek,
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN,
Aras 5, No.51, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya.

(U/P :- Ar. Wan Mohammad Norshah Bin Abdul Satar)

Tuan,

Cadangan Pembinaan Projek Balai Bomba Dan Penyelamat Beaufort, Sabah.

MAKLUMBALAS PELAN JALAN RAYA

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas dan surat Tuan bertarikh 13 Oktober 2020.

2. Seperti sedia maklum, terdapat dua ulasan daripada pihak Unit Kejuruteraan Awam dan Struktur (UKAS) berhubung Pelan Jalan Raya yang dikemukakan oleh Perunding Aktif FA Konsult Sdn Bhd sebelum ini melibatkan isu ketiadaan tempat parkir kenderaan untuk penduduk Kuarters dan *turning radius* di jalan keluar masuk jentera Bomba yang kurang daripada 12 meter.

3. Sehubungan itu, kami ingin menarik perhatian pihak Tuan bahawa kedua-dua isu ini telah diselesaikan oleh pihak Perunding Jurutera dan pelan pindaan telah diemel oleh pihak mereka pada 17 Oktober 2020. Untuk makluman pihak Tuan, pindaan ke atas kedua-dua isu ini disebabkan:

i) <u>Tempat Parkir</u>
- Dimaklumkan kepada kami bahawa keperluan untuk penambahan ketinggian aras jalan di kawasan tersebut yang disambung kepada akses baharu sepertimana perbincangan pihak Perunding Jurutera bersama JKR Beaufort. Justeru, parkir sediada perlu diganti semula dan perkara ini tidak terkandung dalam skop pembinaan asal.

  Walau bagaimanapun tempat parkir ini ditunjuk di dalam Pelan Tapak Arkitek semasa permohonan pindaan rekabentuk bagi Akses Baharu yang telah diluluskan.

ii) <u>*Turning Radius* di jalan keluar masuk jentera Bomba</u>
- Dimaklumkan kepada kami bahawa *turning radius* yang ditunjukkan dalam Pelan Kejuruteraan sebelum ini tidak menepati keperluan dan spesifikasi akses perkakas bomba (kurang daripada 12 meter) namun telah ditambahbaik oleh pihak Perunding Jurutera memandangkan pelan Jalan Raya adalah dibawah skop Perunding Jurutera.

PENGEMUKAAN LAPORAN KAWALAN KUALITI PERUNDING ARKITEK

3. Sekian untuk makluman dan perhatian pihak Tuan. Segala Kerjasama pihak Tuan dalam memastikan kelancaran projek ini amat kami hargai. Terima kasih.

Yang benar,
noor izwan **architect**

Ar. NOOR IZWAN RAHIM
LAM No. A/N 157
Principal

s.k - **En Mohd Arzaleigh Bin Abd Rahman**
Ketua Penolong Pengarah Kanan,
Pejabat Wilayah 6 (Sabah / Sarawak)
Cawangan Pelaksanaan Projek,
Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek,
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN,
Tingkat 3, Blok C, Bangunan KWSP,
Jalan Karamunsing,
88000 Kota Kinabalu,
Sabah.